

UMS sentiasa cari inisiatif tingkat hasil nelayan

Ums 16/05/2012 30

SEMPORNA 15 Mei - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa mencari inisiatif dalam meningkatkan keberkesanan penghasilan komuniti nelayan bagi memastikan kelangsungan sumber marin di negeri ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, pelbagai projek dijalankan termasuk penyelidikan berkaitan pengkulturan rumpai laut, penternakan ikan dalam sangkar, penggunaan unjam ikan, pembangunan pendidikan anak-anak nelayan dan khidmat nasihat.

"Kita juga mengambil kira tentang pentingnya kesedaran nelayan dalam menentukan kelangsungan sumber marin di Sabah," katanya ketika merasmikan pertandingan Memancing Ikan Laut Dalam, di sini baru-baru ini.

Pertandingan itu diadakan dengan kerjasama Majlis Kesukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum).

Pertandingan tersebut telah diadakan di dua buah unjam ikan

yang terletak di perairan Semporna dan disertai seramai 45 komuniti nelayan di Pulau Mabul, Semporna serta kakitangan UMS sendiri.

Sementara itu, penyelaras pertandingan yang juga Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkenan, ia diadakan bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran dan keprihatinan para nelayan di Semporna terhadap penjagaan sumber marin.

"Kita juga mahu menggalakkan nelayan menceburkan diri dalam perikanan laut dalam, menguji keberhasilan sumber ikan dan memberi tunjuk ajar mengenai kaedah mengurus tadbir sendiri dua buah unjam ikan yang telah diperuntukkan kepada nelayan.

"Walaupun Semporna merupakan antara pusat pendaratan ikan utama di Sabah, namun masalah penangkapan ikan berlebihan, penggunaan bahan letupan dan racun serta penangkapan ikan yu te-

rus berlaku. Justeru, kesedaran dan komitmen para nelayan sangat diperlukan sebagai penentu utama dalam usaha melestarikan sumber marin di Semporna," katanya.

Dalam pertandingan itu, Abd Shukor Danabai muncul Raja Pancing UMS 2012 kategori tangkapan seekor ikan apabila berjaya menaikkan ikan tuna gergasi (kayu balak) seberat 85 kilogram. Shukor meraih hadiah wang tunai RM1,000, jaket Raja Pancing, trofi dan hamper.

Johan kategori keseluruhan berat tangkapan menjadi milik Abdul Asamli apabila berjaya mendaraskan dua ekor ikan seberat 95 kilogram. Dia menerima hadiah wang tunai RM700, jaket Raja Pancing, trofi alat pancing dan hamper.

Naib Johan dimenangi Sahid Dollah dengan tangkapan tiga ekor ikan tuna seberat 75 kilogram dan me layakkannya membawa pulang wang tunai RM500, trofi, alat pancing serta hamper.



PARA pemenang pertandingan Memancing Ikan Laut Dalam anjuran Maskum bergambar di Semporna, baru-baru ini.